

# 1,600 pekerja asing masuk sehari

U. M'sia M/S4 17/10/07  
KUALA LUMPUR 16 Okt. - Jabatan Imigresen mengakui wujud kemasukan sehingga 1,600 pekerja asing sehari berikutan permintaan tinggi majikan bagi mendapatkan tenaga buruh murah.

Ketua Pengarahnya, Datuk Wahid Md. Don berkata, permintaan majikan daripada sektor perkilangan dan pembinaan adalah penyebab utama kemasukan dalam bilangan yang ramai pekerja asing berkenaan.

"Semuanya bergantung kepada permintaan majikan kerana kita tidak pernah sesuka hati mengeluarkan permit tanpa berasaskan kepada keperluan dan implikasi kepada negara.

"Tidak mustahil juga akan berlaku kes 48,000 permit dikeluarkan dalam tempoh sebulan seperti didakwa Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sekiranya terdapat keperluan mendesak majikan bagi mendapatkan pekerja sebanyak itu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Setiausaha Agung MTUC, G. Rajasekaran semalam, yang melahirkan kebimbangan Malaysia terus dibanjiri kemasukan pekerja asing disebabkan peraturan Imigresen dan dasar pengambilan pekerja yang disifatkannya sebagai amat longgar.